

19/08/2001

Perdana Menteri sampai ucap tama

Mustapa Omar in Kampala (Uganda)

KAMPALA (Uganda): Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menyampaikan ucap tama pada majlis makan malam sempena Dialog Antarabangsa Selatan Afrika-Global 2001 (SAID-Global 2001) di Pusat Peranginan Speke, Munyonyo, berhampiran Tasik Victoria, kira-kira 15 kilometer dari sini, esok.

Sebelum itu, beliau bersama Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni, akan melancarkan Rangkaian Berita Pintar Antarabangsa (SNNi), program pertukaran berita berasaskan konsep perkongsian pintar bagi mengimbangi laporan kurang tepat mengenai negara-negara membangun oleh media dan agensi berita Barat.

Petang ini, Dr Mahathir akan mempengerusikan dialog dengan rakan perkongsian pintar media yang dijangka disertai oleh semua ketua negara, pemimpin kerajaan dan wakil beberapa syarikat dan agensi media dari Malaysia dan negara-negara Afrika.

Perdana Menteri yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di Lapangan Tebang Entebbe di sini tengah hari semalam, disambut oleh Presiden Uganda Yoweri Museveni dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Uganda, Ali Abdullah.

Ini adalah kali pertama dialog Perkongsian Pintar diadakan di sebuah negara Afrika Timur selepas lima edisi sebelum ini diadakan di negara-negara Afrika Selatan dengan yang terakhir di Mozambique tahun lalu.

Dialog tidak rasmi itu yang muncul daripada Dialog Antarabangsa Langkawi, adalah hasil ilham Dr Mahathir dan berasaskan kepada dasar memakmurkan jiran dengan perkongsian harus menghasilkan faedah bersama.

Ia bermula malam ini dengan jamuan makan malam selamat datang yang diraikan oleh Presiden Museveni.

Ketua kerajaan dari kebanyakan negara Afrika Selatan sudah mengesahkan penyertaan mereka untuk dialog yang bertema 'Mempertingkatkan Pelaburan Langsung Asing.'

(END)